10.	<i>RCPA - D-Dimer Automated</i>	RCPA	D-Dimer	Z Score < ± 3 Aps < ± 1	100 % Of Participated Parameter In Each Samples Achieve Z Score < ± 3, Aps < ± 1	Semua Tercapai
11.	EQAS Urinalysis	Biorad,USA	Urinalysis-Strip	Within Consensus ( ≥80% )	100% Of Participated Parameter In Each Samples Within Consensus	Semua Tercapai
<b>C</b>	<b>Mikrobiologi</b>					
1.	Anti-Hiv (NEQAS)	IMR	Anti-Hiv	100%	100%	Semua Tercapai
2.	HBSAG & Anti-HCV (NEQAP)	PDN	HBSAG & Anti-HCV	100%	100%	Semua Tercapai

3.	<i>Mikrobiologi</i>	IMR	<i>Culture &amp; Sensitivity</i>	<i>Id</i> ≥ 80 % <i>Sensitivity</i> ≥ 80 %	<i>Id</i> ≥ 80 % <i>Sensitivity</i> ≥ 80 %	Semua Tercapai
4.	<i>Acid Fast Bacilli (AFB)</i>	MKAI	TB	100%	100%	Semua Tercapai
5.	<i>Microscopy Malaria</i>	MKAI	Malaria	≥ 80 %	≥ 80 %	Semua Tercapai
6.	<i>RCPA Syphilis</i>	RCPA	<i>Syphilis</i>	≥ 80 %	≥ 80 %	Semua Tercapai

## 6.2 JABATAN RADIOLOGI

Jabatan ini mulai beroperasi sejak Hospital Seri Manjung dibuka pada tahun 1995. Jabatan ini menyediakan perkhidmatan pengimejan kepada pesakit dalam, pesakit luar, Klinik Pakar, Jabatan Kecemasan dan Traumatologi dan pesakit yang dirujuk dari Klinik Kesihatan yang berhampiran termasuk dari Hospital Changkat Melintang serta klinik swasta. Jabatan ini terdiri daripada pakar perubatan radiologi (3), pegawai perubatan (8), juru X-ray (18), jururawat (3) serta pembantu perawatan kesihatan (4).

### PERKHIDMATAN

Jabatan Radiologi merupakan jabatan yang memberi perkhidmatan sokongan klinikal dalam bidang Pengimejan Diagnostik yang terdiri daripada perkhidmatan-perkhidmatan yang di senaraikan di Jadual 6.2.1.

Jadual 6.2.1 : Perkhidmatan yang disediakan di Jabatan Radiologi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Radiografi Am - pemeriksaan X-ray pada anggota badan dan pemeriksaan ini dibuat apabila jabatan menerima permintaan x-ray dari Pegawai Perubatan atau Pakar Perubatan.
2	Mammogram - Mammogram merupakan pemeriksaan yang penting untuk mengesan kanser payudara
3	CT Scan - CT Scan merupakan Imbasan tomografi yang membolehkan doktor melihat kondisi di dalam badan . Ia menggunakan gabungan sinar-X dan komputer untuk menghasilkan gambar organ, tulang dan tisu lain. CT Scan akan menghasilkan imej 3D yang lebih baik dari imej X-ray yang biasa.
4	Ultrasound -Ultrasound adalah salah satu cabang pengimejan yang menggunakan gelombang bunyi berfrekuensi tinggi untuk menghasilkan imej organ dan struktur di dalam badan untuk melihat jantung, saluran darah, buah pinggang, hati, dan organ lain selain memantau kesihatan janin.
5	Penggunaan Mesin Floroskopi di Dewan Bedah - Pakar memerlukan bantuan Juru X-ray menggunakan peralatan floroskopi mudah gerak untuk mengambil imej X-ray bagi memastikan peralatan dan implan yang dipasang pada anggota pesakit adalah di dalam kedudukan yang betul dan tepat.
6	<i>Interventional Radiography (IR)</i> - Satu cara untuk mendiagnosis penyakit tanpa melakukan pembedahan yang besar. Pakar Radiologi menjalankan prosedur IR dengan menggunakan alat kecil, seperti jarum atau tiub, dan memasukkan alatan yang sesuai bagi proses pengambilan tisu badan atau proses rawatan dengan menggunakan bantuan dari peralatan pengimejan seperti ultrasound atau imbasan CT Scan.

## **BEBAN KERJA DAN STATISTIK**

Jadual 6.2.2 menunjukkan jumlah pesakit yang berdaftar dari tahun 2020 sehingga 2022. Walaupun terdapat pengurangan pada jumlah pesakit yang hadir bagi menjalankan pemeriksaan general X-ray, tetapi jumlah kehadiran pesakit untuk modaliti yang lain adalah meningkat. Ini membuktikan kepentingan pemeriksaan yang lain walaupun jabatan perlu menghadkan kehadiran pesakit bagi mengekang penularan Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2022.

Jadual 6.2.2 : Jumlah pesakit yang menggunakan perkhidmatan di Jabatan Radiologi

<b>PERKARA</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
<i>General X-ray</i>	44,350	48424	58,785
<i>Mammogram</i>	229	351	490
<i>CT Scan</i>	4,576	5,037	7227
<i>Ultrasound</i>	6,285	7548	8966
<b>Penggunaan mesin floroskopi mudah gerak di dewan bedah</b>	431	436	473

## AKTIVITI LATIHAN ANGGOTA

Pada tahun 2022, Jabatan Radiologi telah menganjurkan *Continuous Medical Education (CME)* yang melibatkan penceramah luar juga anggota di dalam Jabatan Radiologi itu sendiri. Di bawah merupakan jadual CME yang telah dijalankan oleh Jabatan kami sepanjang tahun 2022.

Jadual 6.2.3 : Senarai aktiviti latihan anggota

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PENCERAMAH</b>
25.2.2022	Keselamatan Pekerjaan Covid-19	Wakil dari UKKP
25.3.2022	Cuti Penjawat Awam	En sia Ming Choung
15.4.2022	<i>Cardiac Monitor</i>	Dr Mohd Fadzli Bin Abd Aziz
20.5.2022	Pendaftaran Radiologi	Dr Che Mazura binti Hussain
24.6.2022	Keselamatan dan Kebakaran	En Rizwan Bin Naseh
15.7.2022	Ergonomik di Tempat Kerja	Pn Rosnani Binti Ahmad
23.9.2022	<i>Extravasation dan Contrast di Ct scan</i>	Sn Wan Asmarani Binti Kadir
	<i>Incident Reporting</i>	Pn Nurul Fadzlina Binti Raduan
9.12.2022	PGMI Mammogram	Dr Anusha

Selain itu juga, Jabatan Radiologi telah menganjurkan satu kursus Basic interpretation Radiographic and CT Scan dengan mensasarkan Pegawai Perubatan dari Jabatan berlainan dari Hospital Seri Manjung dan Juga Hospital Changkat Melintang. Kursus ini telah berlangsung pada 15hb Disember 2022 dari pukul 8.30 pagi sehingga 5 Petang.

## 6.3 JABATAN FARMASI

Jabatan Farmasi telah wujud sejak pembukaan hospital ini dengan objektif untuk mengoptimalkan terapi ubat-ubatan dan pemberian penjagaan farmaseutikal yang komprehensif kepada pesakit serta mempromosikan penggunaan ubat yang rasional dan kos-efektif selaras dengan amalan perkembangan farmasi terkini. Secara umumnya, staf Jabatan ini terlibat secara profesional dalam mengoptimalkan rawatan pesakit dengan memastikan pesakit menerima ubat yang betul, dos yang selamat, cara pemberian ubat yang betul dan kesan sampingan ubat yang minimum. Selain itu, Jabatan ini juga menjalankan aktiviti perolehan dan pembekalan untuk memastikan ubat-ubatan boleh dibekalkan secara berterusan kepada pesakit. Jabatan ini mempunyai kekuatan seramai 64 Pegawai Farmasi, 16 Penolong Pegawai Farmasi dan 10 staf sokongan. Jabatan ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Farmasi (KPF) dan dibantu oleh ketua-ketua unit untuk memastikan perkhidmatan-perkhidmatan Farmasi disampaikan kepada pesakit secara professional dan berkesan.

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan adalah selama 24 jam bermula sejak Mei 2012 di mana selepas waktu pejabat hari bekerja, Sabtu, Ahad dan cuti umum, pembekalan ubat kepada pesakit Jabatan Kecemasan, pesakit dalam wad dan pesakit discaj dijalankan di Unit Farmasi Satelit. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan ini boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.3.1.

Jadual 6.3.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Farmasi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Farmasi Pesakit Luar (FPL)
2	Farmasi Satelit (FS)
3	Farmasi Bekalan Wad (FBW)
4	Farmasi Wad Klinikal
5	Farmasi Farmakokinetik
6	Farmasi Logistik
7	Farmasi Pengeluaran Steril/ <i>Non-sterile</i> (CDR & Manufacturing)
8	Farmasi Pusat Maklumat Ubat (DIS)
9	<i>Medication Therapy Adherence Clinic</i> (MTAC)
10	Klinik Terapi Berhenti Merokok
11	Program Rawatan Terapi Gantian Methadone
12	Kaunseling Individu dan Berkumpulan
13	Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS)
14	<i>Pharmacy Home Care Services Psychiatry</i> (HCPS Psy)
15	Kaunter Farmasi Pandu Lalu

## BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 6.3.2 menunjukkan laporan perkhidmatan farmasi dari tahun 2020 sehingga 2022.

Jadual 6.3.2 : Laporan Perkhidmatan Farmasi

PERKARA	2020	2021	2022
Bil. Preskripsi Farmasi Pesakit Luar	215 503	227 238	264 020
Bil. Item Farmasi Bekalan Wad&Discaj	81 677	82 463	89 745
Bil. Item "Unit of Use"	0	4163	0
Bil. Item "Unit of Dose"	352 561	365 319	415 016
Bil. Pembungkusan Semula	418 789	781 486	544 662
Bil. Pertanyaan DIS	4 449	5 035	4 572
Bil. Pesakit Dikaunsel	9 480	12 461	11 971
Bil. Ujian TDM	1 690	1 899	2 178
Bil. Sediaan CDR	919	1 126	1 563
Bil. Kes Wad "Clerked"	7 107	7 029	5 992
Bil. Khidmat MTAC	320	487	648
Bil. ADR	180	291	171
Bil. Medication Error	131	131	154
Bil. Dos Terapi Gantian Metadon	8 148	7 025	7 967

## AKTIVITI

Pada tahun 2022, Jabatan Farmasi telah menganjurkan beberapa aktiviti di peringkat Jabatan dan hospital.

Jadual 6.3.3 : Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022

BIL	PERKARA
1	Program Pemantauan Pemberian Vaksin Covid-19 di HSM
2	<i>Continuous Professional Development (CPD)</i> Farmasi atas talian
3	Sambutan Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia Peringkat Negeri Perak
4	Pameran dan Ceramah "Kenali Ubat Anda"
5	Majlis Jasamu Dikenang
6	Perhimpunan Pagi HSM Bulanan dan Sambutan Hari Farmasi Sedunia
7	Webinar <i>Pharmacist Involvement in PICK</i>
8	Webinar Kanser Kolorektal
9	Sambutan Hari Raya Aidilfitri & Tahun Baru Cina

## **ANUGERAH**

Pada tahun 2022, Jabatan Farmasi telah menerima anugerah di peringkat Negeri Perak.

Jadual 6.3.4 : Senarai Anugerah Jabatan Farmasi Hospital Seri Manjung yang diterima sepanjang tahun 2022

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Anugerah Fasiliti Terbaik dengan Aktiviti Penyelidikan Terbaik Tahun 2020 (Tempat Kedua)
2	Anugerah Pengurusan Stor Terbaik Tahun 2021
3	Johan Pertandingan Video Kreatif (Kategori Hospital) Sempena Sambutan Minggu Kesilapan Pengubatan Tahun 2022 Peringkat Negeri Perak
4	Johan Dr. Wu Lien <i>The Young Investigator Award</i> , Anjuran NCCR Tahun 2022

## 6.4 JABATAN SAJIAN DAN DIETETIK

---

Jabatan Dietetik dan Sajian berfungsi untuk menyediakan hidangan diet normal dan diet terapeutik yang bermutu kepada pesakit dalam membantu mempercepatkan proses pemulihan pesakit secara maksima dan berkesan serta memberi perkhidmatan dietetik klinikal bagi pesakit dalam dan pesakit luar

Terdapat 3 perjawatan di dalam Jabatan Dietetik dan Sajian iaitu Pegawai Dietetik, Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan Pembantu Penyediaan Makanan. Jumlah keseluruhan kakitangan dalam jabatan ini adalah seramai 25 orang sahaja.

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Jabatan Sajian dan Dietetik adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 6.4.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Sajian dan Dietetik

BIL	PERKHIDMATAN
1	Menyediakan makanan untuk pesakit dalam, doktor yang bertugas atas panggilan dan doktor/paramedik Dewan Bedah.
2	Pengurusan Stor Utama Sajian
3	Menyediakan perkhidmatan dietetik klinikal

### BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 2 menunjukkan beban kerja atau statistik bagi tempoh 2020-2022 jumlah klien yang telah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Dietetik dan Sajian yang terdiri daripada beberapa pecahan perkara perkhidmatan.

Jadual 6.4.2 : Jumlah hidangan yang disediakan kepada pesakit.

<b>PERKARA</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
Jumlah hidangan diet normal	122092	143240	133724
Jumlah hidangan diet terapeutik	171643	210233	263768
Bilangan hidangan doktor bertugas atas panggilan	88496	88556	90520
Bilangan hidangan Doktor di dewan bedah	11416	12595	13265
Bilangan hidangan Paramedik di dewan bedah	4047	4368	2325
Bilangan kes pesakit yang dirujuk/konsultasi	3211	3338	3440

### **AKTIVITI**

Pada tahun 2022 Jabatan Dietetik dan Sajian telah menjalani aktiviti berkaitan keselamatan makanan dan aktiviti peningkatan kualiti untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang disediakan. Beberapa siri audit telah dilaksanakan seperti jadual 6.4.3. Beberapa sesi aktiviti pendidikan pesakit dan aktiviti pendidikan anggota juga telah dilaksanakan seperti jadual 3.

Jadual 6.4.3 : Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2022

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Audit Dalaman GMP/HACCP
2	Audit Dalaman Akreditasi
3	Kelas Pendidikan Diabetes
4.	Latihan kesedaran akreditasi
5.	Latihan pengukuhan GMP/HACCP
6.	Latihan pencegahan dan tindakan kebakaran

## 6.5 UNIT PERUBATAN FORENSIK

Unit Perubatan Forensik menguruskan setiap kes kematian di dalam hospital iaitu kematian biasa. Kematian bio hazard dan juga kematian yang melibatkan kes medicolegal. Perkhidmatan forensik dijalankan 24 jam setiap hari. Perubatan Forensik adalah salah satu cabang yang membantu pihak berkuasa dari sudut perundangan. Setiap kematian di dalam wad hospital perlu dibawa ke Unit Forensik dalam tempoh satu jam selepas kematian dan akan diserahkan kepada waris selepas selesai proses dokumentasi yang berkaitan. Jumlah kakitangan adalah 2 orang Pegawai Perubatan, 3 orang Penolong Pegawai Perubatan termasuk seorang penyelia dan 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

### PERKHIDMATAN

Skop perkhidmatan adalah untuk menyediakan kepakaran di dalam bidang forensik yang meliputi patologi forensik dan forensik klinikal. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Unit Perubatan Forensik boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.5.1.

Jadual 6.5.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Perubatan Forensik

BIL	PERKHIDMATAN
1	Pengurusan Mayat kes biasa , <i>bio hazard</i> dan kes Medikolegal
2	Penyediaan rekod kematian medikolegal
3	Menjalankan prosedur bedah siasat mayat
4	Pengendalian specimen medikolegal
5	Pengendalian kes wabak penyakit berjangkit

### BEBAN KERJA/STATISTIK

Jumlah kes yang diterima oleh Unit Perubatan Forensik ini adalah seperti di jadual berikut:-

Jadual 6.5.2 : Jumlah kes di Unit Perubatan Forensik

PERKARA	2020	2021	2022
Kematian Wad & ED (Kes Biasa)	799	1029	1009
Kes Medikolegal	240	272	325
Jumlah	1039	1301	1334

## 6.6 UNIT PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan merupakan salah satu unit yang penting di dalam memastikan mutu perkhidmatan yang terbaik dan efisien di hospital. Unit yang diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pegawai Perubatan Gred U44 ini berperanan menyelia semua aktiviti dan perkhidmatan oleh Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan yang berada di semua jabatan/unit.

Selain daripada menyelia aktiviti dan perkhidmatan anggota, unit ini juga memberikan perkhidmatan kaunseling dan nasihat, perancangan latihan termasuk latihan berkaitan pencegahan kebakaran, pengawasan perkhidmatan sokongan dan membantu pengawasan keselamatan hospital terutama selepas waktu pejabat. Jumlah anggota unit ini meliputi 78 orang penolong pegawai perubatan dan 162 pembantu perawatan kesihatan. Jumlah perjawatan anggota Penolong Pegawai Perubatan dan Pembantu Perawatan Kesihatan boleh dilihat dengan jelas di Jadual 6.6.1 dan Jadual 6.6.2. Anggota yang mempunyai pos basik adalah seperti di Jadual 6.6.3.

Jadual 6.6.1 : Perjawatan Penolong Pegawai Perubatan

<b>BIL.</b>	<b>GREED</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>
1	U41/42/44	1	1	0
2.	U36	2	2	0
3.	U32/36	13	13	0
4.	U29/32	48	48	0
5.	U29	Kontrak	13	-
	Jumlah	64	77	0

Jadual 6.6.2 : Perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan

<b>BIL.</b>	<b>GREED</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>ISI</b>	<b>KOSONG</b>
1.	U14	6	6	0
2.	U11	164	151	13
	Jumlah	170	157	13

Jadual 6.6.3 : Jumlah anggota yang mempunyai pos basik

BIL.	JABATAN/UNIT	JUMLAH ANGGOTA	BIL. ADA POS BASIK	PERATUS (%)
1.	Kecemasan & Trauma	28	16	57
2.	Perubatan	5	2	40
3.	Pembedahan	4	1	25
4.	Ortopedik	6	5	83
5.	Oftalmologi	5	3	60
6.	Anestesiologi	4	3	75
7.	Psikiatri	3	1	33
8.	Hemodialisis HSM/P.Remis	6	3	50
9.	Forensik	3	1	33
10.	Pesakit Luar/Klinik Demam	4	3	75
11.	Unit Transfusi Darah	1	0	0
12.	Unit Pengambilan Darah	3	0	0
13.	Pengurusan	4	2	50
	JUMLAH	76	40	52.6%

\*\*Catatan: Jumlah anggota tidak termasuk PPW (kontrak) yang belum tamat latihan.

## AKTIVITI

Unit ini juga terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam semua program dan aktiviti diperingkat hospital. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Penolong Pegawai Perubatan boleh dilihat secara ringkas di jadual berikut.

Jadual 6.6.4 : Kursus peningkatan pembantu perawatan kesihatan tahap 1/2/3

BIL.	JUMLAH ANGGOTA	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3
1.	157	126	106	6

Jadual 6.6.5 : Kursus keselamatan kebakaran

BIL.	KURSUS	TEMPAT	TARIKH
1.	Kursus dan <i>Fire Drill</i>	Dewan Mutiara/ Wad 6	13/10/2022
2.	<i>Table Top 1</i>	CSSU	28/06/2022
3.	<i>Table Top 2</i>	Dewan Bersalin/Wad 1/Wad 2	19/12/2022
4.	Audit Keselamatan Kebakaran	Semua Jabatan/Unit	21/09 dan 28/09/2022

## **LAIN-LAIN**

### **Pengawasan Perkhidmatan Sokongan Hospital:**

Seramai empat orang Penolong Pegawai Perubatan termasuk Ketua Penolong Pegawai Perubatan dilantik sebagai Pegawai Penyelaras (LO) untuk tiga aktiviti di bawah perkhidmatan sokongan iaitu *Facility Engineering Maintenance Services (FEMS)*, *Biomedical Engineering Maintenance Services (BEMS)* dan *Clinical Waste Management Services (CWMS)*.

### **Mambantu Pengawasan Perkhidmatan Keselamatan:**

Seramai lima orang Penolong Pegawai Perubatan Gred U32 dan U36 telah ditugaskan secara giliran untuk membuat rondaan pemantauan perkhidmatan di bawah Unit Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan dan pemantauan keselamatan keseluruhan hospital. Tugasan ini dilakukan setiap hari selama dua jam dan rondaan dijalankan selepas waktu pejabat terutama selepas jam 10 malam.

## 6.7 UNIT KEJURURAWATAN

Unit Kejururawatan mula beroperasi seiring dengan beroperasinya Hospital Seri Manjung pada tahun 1995 dan merupakan bahagian yang terbesar dalam organisasi hospital bernaung di bawah Pentadbiran Pengarah Hospital yang diterajui oleh 1 Penyelia Jururawat U42, 1 Penyelia Jururawat U41 dan 6 Penyelia Jururawat U36. Sehingga Disember 2022, sebanyak 508 perjawatan kejururawatan telah diluluskan dengan jumlah pengisian seramai 504 orang. Pecahan kategori pengisian yang telah dibuat di Unit Kejururawatan selain dari Penyelia Jururawat terdiri daripada 33 Ketua Jururawat, 3 Jururawat U41, seramai 401 orang Jururawat U29 (Jururawat Lelaki 7 Orang dan 389 Jururawat perempuan), seramai 4 orang Jururawat Fleksi U29 PSL dan 59 orang Jururawat Masyarakat (56 orang U19/U24 TBk, 2 orang U24 dan seorang U26). Anggota Kejururawatan terlibat secara langsung dalam memberikan perkhidmatan perawatan kejururawatan dan berganding bahu dengan semua jabatan atau unit di hospital ini. Unit Kejururawatan ini menyediakan perkhidmatan sokongan perawatan klinikal pesakit dalam dan pesakit luar. Jururawat yang telah mengikuti kursus kepakaran pos basik akan ditempatkan mengikut kepakaran masing-masing untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kejururawatan. Dibawah penjagaan Unit Kejururawatan adalah sebanyak 14 wad. Wad-wad terdiri daripada; Wad Obstetrik (2), Dewan Bersalin (1), Wad Pembedahan (1), Wad Orthopedik (1), Wad Perubatan (3), Wad Pediatrik (1), Wad NICU/SCN (2), Wad Rawatan Rapi/Rawatan Koronori (1), Wad Multidisplin (1), Dewan bedah (1).

Jadual 6.7.1 : Jumlah perjawatan jururawat dari tahun 2020 hingga 2022

BIL	KATEGORI (GRED)	2020			2021			2022		
		J	I	K	J	I	K	J	I	K
1	Jururawat U42	1	1	0	1	1	0	1	1	0
2	Jururawat U41/U42/U44	3	3	0	3	3	0	3	3	0
3	Jururawat U36	6	6	0	6	6	0	6	6	0
4	Jururawat U32	33	32	1	33	31	2	33	33	0
5	Jururawat U29/KUP U32	401	401	0	401	399	2	401	396	5
6	JM U19 (TBK1 & TBK2)/Jururawat U29 (TBK1 & TBK2)	4	4	0	4	4	0	4	4	0
7	Jururawat Masyarakat U26	1	1	0	1	1	0	1	1	0
8	Jururawat Masyarakat U24	2	2	0	2	2	0	2	2	0
9	Jururawat Masyarakat U19	57	56	1	57	56	0	57	56	1
<b>JUMLAH</b>		<b>508</b>	<b>506</b>	<b>506</b>	<b>508</b>	<b>503</b>	<b>4</b>	<b>508</b>	<b>502</b>	<b>6</b>
10	Jururawat U29 (Kontrak KKM)	0	0	0	0	2	0	0	2	0

Petunjuk ; J :Jawatan, I : Isi, K : Kekosongan

Jadual 6.7.2 : Bilangan jururawat yang mempunyai pos basik 2022

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Kebidanan	83
2	Perawatan Perioperatif	20
3	Perawatan koronari	10
4	Perawatan Rapi	21
5	Perawatan Renal	12
6	Perawatan Pediatrik	17
7	Perawatan <i>Neonate</i>	18
8	Perawatan Oftalmologi	8
9	Perawatan Orthopedik	19
10	Perawatan Onkologi	7
11	Perawatan Psiaktrik	3
12	Pengurusan Sumber Diabetes	4
13	Perawatan Anaesthesia	12
14	Kecemasan	6
15	HIV Kaunseling	4
16	Kawalan Infeksi	5
17	Pengurusan Personal	1
18	Penjagaan Luka	2
19	Perawatan Rehabilitasi	1
	JUMLAH	253

## AKTIVITI

Jadual 6.7.3 menunjukkan pelbagai aktiviti telah dilakukan oleh unit ini untuk meningkatkan kualiti kerja kejururawatan sepanjang tahun 2022.

Jadual 6.7.3 : Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Kejururawatan.

BIL	AKTIVITI
1.	Kursus Kejururawatan - Kursus <i>Nursing Documentation</i> - Kursus <i>Medication Safety</i> - Kursus Pemantapan Ketua Jururawat
2.	Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Peringkat Hospital Seri Manjung
3.	<i>Wound Care Workshop</i>
4.	Program Vaksinasi PICKIDS bermula 7 Februari 2022
5.	Sambutan Hari Jururawat

## 6.7.1 UNIT BEKALAN ALAT-ALAT STERIL

Unit Perkhidmatan Bahan Steril (CSSU) merupakan perkhidmatan sokongan klinikal yang sama pentingnya seperti unit lain yang memberikan perkhidmatan secara tidak langsung melalui perkhidmatan pembekalan bahan steril kepada pesakit. CSSU memberi perkhidmatan bekalan bahan-bahan steril kepada Dewan Bedah dan Jabatan-Jabatan Klinikal yang lain di hospital. Unit ini memproses kainan, ‘Soft Dressing’ dan peralatan surgikal untuk diguna semula di jabatan-jabatan seperti tersebut di atas.

Unit Kejururawatan diketuai oleh Ketua Penyelia Jururawat dan Penyelia Jururawat Kawasan. Seorang Ketua Jururawat serta anggota seramai 18 orang terdiri dari JU 32(KUP/TBK) – 4 orang, JU29 – 1 orang, JMU24(TBK) – 4 orang, PPK U14/11 – 5 orang, PA Otokleb H14/11 – 3 orang yang berkhidmat di unit ini.

### PERKHIDMATAN

Unit Perkhidmatan Bahan Steril (CSSU) adalah perkhidmatan bersepadu di hospital yang menjalankan pensterilan dan tindakan lain pada peralatan perubatan dan bahan pakai buang. Unit ini memastikan kelancaran dari segi pengurusan perkhidmatan dekontaminasi, pembersihan, penyusunan, pembungkusan, pensterilan, penyimpanan dan pengedaran produk steril. Perkhidmatan yang diberikan oleh unit ini boleh dilihat secara ringkas di Jadual 6.7.1.1.

Jadual 6.7.1.1: Perkhidmatan yang dijalankan di CSSU

BIL	PERKHIDMATAN
1	Pemprosesan semula alat surgikal guna semula. Penerimaan alat guna semula yang telah digunakan dari wad dan unit untuk dicuci mengikut SOP yang ditetapkan.
2	Pembungkusan peralatan surgikal dan disterilkan supaya selamat digunakan oleh pesakit.
3	Penyediaan <i>Soft Dressing</i> dan Linen yang steril untuk kegunaan pesakit.

## **BEBAN KERJA/STATISTIK**

Jadual 6.7.1.2 menunjukkan beban kerja keseluruhan di CSSU dari tahun 2020 hingga 2022. Beban kerja ini merangkumi pemprosesan set, penyediaan *soft dressing* serta linen yang digunakan di wad, unit dan Dewan Bedah.

Jadual 6.7.1.2 : Beban kerja mengikut Jumlah Set / Peralatan

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH SET/ PERALATAN</b>	<b>MACHINE CYCLE</b>
2020	358,448	3,344
2021	310,445	2,823
2022	315,953	2,953

## **AKTIVITI**

Pada tahun 2022, CSSU melakukan aktiviti-aktiviti audit penyimpanan di wad dan unit untuk memastikan penyimpanan peralatan serta *soft dressing* adalah bersih.

Jadual 6.7.1.3 : Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Audit Inventori
2	Audit kebersihan dan kekemasan tempat penyimpanan set dan <i>soft packing</i> .

## 6.8 UNIT REKOD PERUBATAN

Unit Rekod Perubatan adalah salah satu perkhidmatan sokongan bukan klinikal di hospital. Unit ini dipertanggungjawabkan untuk mengurus perkara-perkara berkaitan rekod perubatan pesakit dan laporan statistik hospital. Unit ini dianggotai oleh:

- i) 2 Penolong Pegawai Tadbir ( Rekod Perubatan ) N29/N32
- ii) 2 orang Pembantu Tadbir N22
- iii) 3 orang Pembantu Tadbir N19/N22
- iv) 1 orang Pembantu Operasi N14
- v) 2 orang Pembantu Operasi N11

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang dijalankan oleh Unit Rekod Perubatan adalah seperti di Jadual 6.8.1.

Jadual 6.8.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Rekod Perubatan

BIL	PERKHIDMATAN
1	Penyimpanan dan pengeluaran Rekod Perubatan Pesakit.
2	Urusan Laporan Perubatan pesakit.
3	Urusetia Jemaah Doktor PERKESO dan KWSP.
4	Urusan Lembaga Perubatan kerajaan.
5	Penyediaan laporan-laporan statistik kepada Jabatan Kesihatan Negeri.
6	Urusan semakan kelahiran/kematian.

### BEBAN KERJA/STATISTIK

Klien Unit Rekod Perubatan terdiri dari pelanggan dalaman dan pelanggan luaran. Pelanggan dalaman adalah wad-wad, klinik-klinik dan kakitangan hospital. Pelanggan luaran terdiri dari orang awam, agensi kerajaan, badan berkanun dan pihak swasta. Jadual 6.8.2 menunjukkan jumlah klien yang mendapatkan perkhidmatan dari Unit Rekod Perubatan.

Jadual 6.8.2 : Jumlah klien yang menerima perkhidmatan dari Unit Rekod Perubatan

PERKARA	2020	2021	2022
Permohonan Laporan Perubatan	2731	2466	2956
Sidang Lembaga Perubatan	14	11	17
Jemaah Doktor PERKESO / KWSP	637	608	474

## AKTIVITI

Unit Rekod Perubatan melaksanakan beberapa aktiviti dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan. Jadual 6.8.3 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Jadual 6.8.3 : Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022

BIL	PERKARA
1	Audit Ketepatan dan Kesempurnaan Dokumentasi Klinikal.
2	Audit Rekod Perubatan Pesakit.
3	Taklimat kepada <i>Houseman</i> yang baru dilantik.

## 6.9 UNIT FISIOTERAPI

Unit Fisioterapi adalah salah satu unit di bawah perkhidmatan sokongan klinikal yang terletak bersebelahan dengan klinik pakar dan Unit Hemodialisis. Fungsi utama bahagian ini adalah memberi perkhidmatan Fisioterapi kepada pesakit yang dirujuk dari semua jabatan / unit di hospital ini dan juga yang dirujuk dari hospital kerajaan dan klinik kesihatan lain yang memerlukan perkhidmatan Fisioterapi. Unit diketuai oleh Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U41. Beliau dibantu oleh seorang Jurupulih Perubatan Fisioterapi U36, 2 orang Jurupulih Perubatan Fisioterapi U32, 6 orang Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29 dan 2 orang Pembantu Perawatan Kesihatan.

Jadual 6.9.1 : Perkhidmatan yang Dijalankan oleh Unit Fisioterapi

BIL	PERKHIDMATAN
1	Rawatan di Unit Fisioterapi <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Rawatan Elektroterapi</li> <li>ii. Rawatan Chest</li> <li>iii. Rawatan Lymphedema</li> <li>iv. Rawatan Vestibular</li> <li>v. Rehabilitasi Ortopedik</li> <li>vi. Rehabilitasi Muskuloskeletal</li> <li>vii. Rehabilitasi Neurologi</li> <li>viii. Rehabilitasi Pediatrik</li> <li>ix. Rehabilitasi Pembedahan</li> <li>x. Rehabilitasi Obstetrik dan Gaenikologi</li> <li>xi. Kelas Antenatal, Bahu, Lutut, Spine dan Leher</li> <li>xii. Program Rehabilitasi Jantung (CRP)</li> <li>xiii. Program Diabetes</li> <li>xiv. Program Obesiti</li> <li>xv. Pendidikan Kesihatan</li> </ol>
2	Rawatan di luar Unit Fisioterapi <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Unit Rawatan Rapi (ICU)</li> <li>ii. Unit Jagaan Koronari (CCU)</li> <li>iii. <i>Special Care Neonate</i> (SCN)</li> <li>iv. <i>Neonatal Intensive Care Unit</i> (NICU)</li> <li>v. Wad Medikal</li> <li>vi. Wad Surgikal</li> <li>vii. Wad Ortopedik</li> <li>viii. Wad Pediatrik</li> <li>ix. Wad Bersalin</li> <li>x. Wad Obstetrik dan Gaenokologi (O&amp;G)</li> </ol>

## BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 6.9.2 menunjukkan jumlah pesakit yang dirujuk ke Unit Fisioterapi bagi tahun 2022.

Jadual 6.9.2 : Jumlah Pesakit yang Dirujuk ke Unit Fisioterapi

PERKARA	2020	2021	2022
Jumlah Rawatan di Unit Fisioterapi	6 606	6 709	7 107
Jumlah Rawatan di Luar Unit Fisioterapi	9 635	7 948	11254

## AKTIVITI

Pada tahun 2022, Unit Fisioterapi telah menganjurkan beberapa program dan aktiviti bersama dengan pesakit atau komuniti. Jadual 6.9.3 menunjukkan aktiviti yang dijalankan oleh unit ini.

Jadual 6.9.3 : Aktiviti Pendidikan Pesakit yang Dijalankan Pada Tahun 2022

BIL	TAHUN / PERKARA
1	Aktiviti Pendidikan Pesakit i. Taklimat Ergonomik ii. Program Ziarah Kasih iii. Program Ziarah Amal iv. Sambutan Hari Fisioterapi Sedunia 2022 Peringkat Negeri Perak
2	Aktiviti Latihan Anggota i. Taklimat Sasaran Kerja Tahunan (SKU) 2022 ii. Taklimat Caj Rawatan iii. Taklimat Ergonomik iv. Taklimat <i>Risk Assessment Report</i> v. Taklimat Akreditasi 6th Edisi vi. Taklimat <i>Fire Safety</i> vii. Taklimat <i>Hand Hygiene</i>

## 6.10 UNIT PEMULIHAN CARAKERJA

Unit Pemulihan Carakerja merupakan salah satu cabang perkhidmatan Jabatan Rehabilitasi di hospital kerajaan yang menyediakan program rawatan pemulihan berteraskan *CLIENT-CENTRED*. Matlamat utama rawatan adalah untuk membolehkan seseorang pesakit/individu berfungsi pada tahap optima dalam menjalani aktiviti kehidupan seharian (*ADL/WORK/LEISURE*). Terapi pemulihan carakerja dijalankan oleh 9 orang Jurupulih Perubatan Carakerja.

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan Unit Pemulihan Carakerja meliputi rawatan pesakit dalam dan pesakit luar secara umumnya. Perkhidmatan lainnya boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.10.1.

Jadual 6.10.1 : Perkhidmatan-perkhidmatan di Unit Pemulihan Carakerja

BIL	PERKHIDMATAN
1.	Pemulihan Carakerja di bidang Ortopedik <ul style="list-style-type: none"><li>• Tangan dan anggota atas</li><li>• Kecederaan saraf tunjang</li><li>• Kecederaan saraf periferi</li><li>• Musculoskeletal</li><li>• Amputasi</li></ul>
2.	Pemulihan Carakerja di bidang Pediatrik <ul style="list-style-type: none"><li>• Neurologi Pediatrik</li><li>• Neonatal</li></ul>
3.	Pemulihan Carakerja di bidang Perubatan Am
4.	Pemulihan Carakerja di bidang Pembedahan Am
5.	Pemulihan Carakerja di bidang Psikiatri dan kesihatan mental <ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Adult Psychiatry</i></li><li>• Kanak-kanak dan remaja</li><li>• Psikogeriatrik</li><li>• Pemulihan Psikososial</li></ul>
6.	Pemulihan Carakerja di bidang Neurologi
7.	Pemulihan Carakerja di bidang <i>Neurosurgery</i>
8.	Pemulihan Carakerja di bidang <i>Plastic and Reconstructive</i>
9.	Pemulihan Carakerja di bidang <i>Ophthalmology</i>
10.	Pemulihan Carakerja di bidang Kardiak

## BEBAN KERJA DAN STATISTIK

Jadual 6.10.2 menunjukkan jumlah pesakit yang menerima rawatan di Unit Pemulihan Carakerja.

PERKARA	2020	2021	2022
Rawatan Terapi Carakerja untuk pesakit luar	3431	3400	4027
Rawatan Terapi Carakerja untuk pesakit dalam wad	1736	1567	1240

## AKTIVITI

### 1. AKTIVITI PENDIDIKAN PESAKIT

Jadual 6.10.3 : Aktiviti-Aktiviti Pendidikan Pesakit

BIL	PERKARA	TARIKH / TEMPAT	PESERTA / SASARAN
1.	<p>Kursus <i>Unlock and Connect</i> sempena <i>World Autism Awareness Day 2022</i>.</p> <p>i. Memberikan pendedahan dan kesedaran tentang tanda amaran di kalangan kanak-kanak semasa di rumah dan sekolah.</p> <p>ii. Memberikan panduan tentang pengurusan dan pengendalian kanak-kanak yang menunjukkan tanda awal autism.</p>	31 Mac 2022 melalui Google meet	Ibubapa dan guru-guru di daerah Manjung, Ahli Terapi Carakerja Negeri Perak dan kakitangan kesihatan Hospital Seri Manjung
2.	<p>Program Pendidikan dan sokongan interaksi sosial di kalangan kanak-kanak berkeperluan khas.</p> <p>Objektif :</p> <p>iii. Meningkatkan kemahiran interaksi social yang aktif di kalangan pesakit kanak-kanak berkeperluan khas.</p> <p>iv. Merangsang kemahiran pesakit dari segi kemampuan untuk merancang dan menyelesaikan masalah melalui perbincangan dalam kumpulan.</p> <p>v. Merangsang kemahiran pesakit untuk memulakan hubungan, interaksi awal dan kawalan emosi.</p>	25 ogos 2022 di Unit Pemulihan Carakerja	20 orang kanak-kanak berkeperluan khas berumur antara 7 hingga 15 tahun yang menerima rawatan di Unit Pemulihan Carakerja

## 2. AKTIVITI LATIHAN ANGGOTA

Latihan / pendidikan berterusan kepada anggota unit dibuat melalui CME unit yang diadakan pada setiap hari Khamis dari pukul 2.30pm hingga 4.30pm. Setiap anggota unit perlu menjalankan 4 sesi CME sepanjang tahun mengikut giliran yang telah ditetapkan di dalam Jadual Aktiviti Tahunan Unit. Anggota juga menghadiri Kursus / bengkel / seminar yang dianjurkan oleh lain-lain profesion secara maya atau bersemuka mengikut keperluan kerja hakiki atau mengikut giliran.

Jadual 6.10.4 : Aktiviti-Aktiviti Latihan Anggota

BIL	KURSUS / BENGKEL / SEMINAR	ANJURAN
1.	<i>Return To Work</i> Bersama Pemulihan Carakerja Negeri Perak	Perkeso Perak
2.	<i>Proposal Writing Workshop 2022</i>	CRC HSM
3.	<i>Symposium Long Covid- Focused Rehabilitation Medicine 'Facing The Challenges Together'</i>	Rehab <i>Medicine</i> Dept Hosp Sg. Buloh
4.	Bengkel Pengurusan Kendiri	Unit Psikologi HSM
5.	Program Nafas Baru Bermula Ramadhan	UPK HSM
6.	<i>Occupational Therapy Intervention In Parenting Skills</i>	UPCK Hosp. Teluk Intan
7.	Pemulihan Carakerja Untuk Pesakit Kecederaan Tulang Belakang	UPCK Hosp. Sultan Abdul Halim
8.	Kursus Orientasi Bil 4/2022	Jab. Pengurusan HSM
9.	Kursus Kawalan Infeksi	UKI HSM
10.	<i>Cognitive Stimulation Training</i>	UPCK HRPB
11.	<i>Guideline In Implementing Supported Employment (SE)</i>	Pemulihan Carakerja Sarawak
12.	Kursus Update KKP	UKKP HSM
13.	Bengkel <i>Update CPG Management In Dementia</i>	Jab.Psikiatry HSM
14.	Program Kesedaran Kesihatan Mental : Pencegahan Penderaan Kanak-Kanak Dan Keganasan Rumahtangga	Jab.Psikiatry HSM
15.	Kursus Update Denggi, Leptospirosis, Malaria Dan Tuberculosis Bil.1/2022	Jab.Perubatan HSM
16.	Kursus Orientasi Pegawai Lantikan Baru Perkhidmatan Pemulihan Carakerja	J/Kuasa Teknikal Perkhidmatan Pemulihan Carakerja KKM
17.	Kursus Minda Sihat	UPK HSM
18.	Majlis Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Tahun 2022	Jab. Psikiatry HSM
19.	Seminar Memperkasa Psikologi Sejahtera Komuniti Sempena Pelancaran Perasmian Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan	Unit Kaunseling JKN Perak
20.	Kursus Keselamatan Kebakaran Dan <i>Fire Drill</i>	J/Kuasa Kebakaran HSM
21.	Kursus Kesedaran Sempena Hari Kesihatan Diabetis Sedunia	Jab. Perubatan HSM
22.	Bengkel Pemantapan <i>Link Officer</i>	UKI HSM
23.	Kursus Update Denggi, Leptospirosis, Malaria Dan Tuberculosis Bil.2/2022	Jab. Perubatan HSM
24.	Kursus Dokumentasi : Apa Perlu Kita Tahu	<i>Malaysian Occupational Therapy Association</i>
25.	Kursus Pengurusan Aset Alih Kerajaan	UPAS JKN Perak
26.	Update Sistem Dokumentasi Perkhidmatan Pemulihan Carakerja KKM	J/Kuasa Teknikal Perkhidmatan Pemulihan Carakerja KKM

## 6.11 UNIT TERAPI PERTUTURAN

---

Unit Terapi Pertuturan Hospital Seri Manjung (HSM) memberikan perkhidmatan kepada pesakit kanak-kanak dan dewasa yang mempunyai masalah pertuturan, bahasa, suara, komunikasi, penelanan dan *feeding*. Unit ini mempunyai dua orang Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) yang terlibat secara langsung dalam memberikan intervensi kepada pesakit yang mempunyai masalah komunikasi. Selain itu, unit ini juga mempunyai seorang Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) yang membantu menguruskan temujanji pesakit dan menguruskan pentadbiran Unit Terapi pertuturan.

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit ini adalah seperti di Jadual 6.11.1.

Jadual 6.11.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Unit Terapi Pertuturan

<b>BIL.</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>
1.	Membuat penilaian dan diagnosis pertuturan-bahasa dan penelanan.
2.	Menjalankan intervensi kepada pesakit yang mempunyai kecelaruan pertuturan-bahasa dan penelanan.
3.	Menjalankan sesi konsultasi dan kaunseling kepada pesakit dan keluarga berkaitan masalah pertuturan-bahasa dan penelanan.
4.	Menyedia dan memberikan latihan program di rumah kepada pesakit.
5.	Merancang, menyelia dan melaksanakan latihan penggunaan kaedah komunikasi bantuan dan gantian (AAC) kepada pesakit-pesakit bermasalah komunikasi yang teruk.
6.	Menyediakan dokumentasi seperti laporan berkaitan pemulihan dan kemajuan pesakit kes pertuturan-bahasa dan penelanan.
7.	Menjalankan pencegahan dan pendidikan pertuturan-bahasa dan penelanan.
8.	Berkolaborasi dan merujuk pesakit kepada professional lain.

## **BEBAN KERJA/STATISTIK**

Jadual 6.11.2 menunjukkan jumlah kehadiran pesakit di Unit Terapi Pertuturan dari tahun 2020 sehingga 2022. Jumlah kehadiran menunjukkan pengurangan pada tahun 2021 berikutan kekurangan pegawai yang bertugas disebabkan cuti bersalin dan kebanyakan pesakit tidak dapat menghadiri temujanji atas faktor bergejala Covid-19.

Jadual 6.11.2 : Jumlah kehadiran pesakit ke Unit Terapi Pertuturan

<b>TAHUN/KES</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
KES BAHARU	519	404	564
KES ULANGAN	956	622	809
JUMLAH	1475	1026	1373

## **AKTIVITI**

Pada tahun 2022, Unit Terapi Pertuturan lebih fokus dalam menghadiri seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan secara maya. Penganjuran aktiviti terhad dikalangan warga unit dan dalam kalangan pesakit sahaja. Jadual 6.11.3 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Terapi Pertuturan, manakala Jadual 6.11.4 adalah senarai Latihan yang dihadiri oleh anggota Unit Terapi Pertuturan bagi tahun 2022.

Jadual 6.11.3 : Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2022

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>
1.	Gotong-royong mengemas permainan dan bahan terapi setiap 4 bulan.
2.	Mesyuarat Unit Terapi Pertuturan minimum 2 kali setahun.
3.	Membuat kelas pendek AAC kepada ibubapa.
4.	Taklimat akreditasi peringkat Unit Terapi Pertuturan
5.	Berkolaborasi Bersama Unit Fisioterapi dan Unit Pemulihan Carakerja menganjurkan Perhimpunan Pagi Bulan Disember peringkat hospital bagi tahun 2022

Jadual 6.11.4 : Latihan yang Dihadiri Pada Tahun 2022

<b>BIL.</b>	<b>LATIHAN YANG DIHADIRI</b>
1.	<i>Perak Speech Therapy Updates 2022</i>
2.	<i>Chronic Kidney Disease Due to Diabetic</i>
3.	<i>Adult ADHD</i>
4.	<i>Kesedaran Jenayah Seksual Dalam Kalangan Wanita dan Kanak-kanak</i>
5.	<i>Is Virtual Speech Therapy Feasible Alternative for patient in Malaysia?</i>
6.	<i>Pain Management</i>
7.	<i>Dokumentasi Rekod Perubatan dan Perundangan</i>
8.	<i>Lambat Cakap VS Pelat</i>
9.	<i>Diabetic Retinopathy and “Diabetic Pun Boleh Puasa”</i>
10.	<i>Bengkel Hirarc Keselamatan</i>
11.	<i>Current Practices in Managing Stuttering</i>
12.	<i>Autism: Knowledge Of Special Nutrition For Children With ASD Among Parents And Special Educator In Malaysia</i>
13.	<i>Pengurusan MyCPD Profession Pemulihan Perubatan Pertuturan</i>
14.	<i>Menerajui Pemerkasaan Autism Dan Pendidikan Inklusif Bersama Khamdy ®</i>
15.	<i>N-Acetylcysteine Drug For Acute Liver Injury And PCM Toxicity</i>
16.	<i>Healthy Diet During Covid-19 Pandemic</i>
17.	<i>Non Thyroidal Illness</i>
18.	<i>Endophtalmitis And Uveitis</i>
19.	<i>Mood Disorders</i>
20.	<i>Mammogram In Breast Cancer</i>
21.	<i>Pre Operative Assessment</i>
22.	<i>Type 2 Diabetes Mellitus</i>
23.	<i>Approach To A Limping Child</i>
24.	<i>The Art Therapy For Strokes Patients</i>
25.	<i>Management Of Gouty Arthritis In Health Setting</i>

## 6.12 UNIT KERJA SOSIAL PERUBATAN

Unit Kerja Sosial Perubatan ini dikendalikan oleh seorang Pegawai Kerja Sosial Perubatan S44 yang bertanggungjawab menawarkan perkhidmatan dalam menangani pelbagai isu biopsikosal yang melibatkan pendekatan multi disiplin dalam mencapai objektif *total patient care*. Unit ini terletak di Aras 1 Hospital Seri Manjung, bersebelahan Unit Pentadbiran. Waktu operasi pejabat ini adalah mengikut waktu pejabat iaitu 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Ditutup pada hari minggu dan hari kelepasan am.

### PERKHIDMATAN

Berikut adalah perkhidmatan yang diberikan oleh Unit Kerja Sosial Perubatan Hospital Seri Manjung.

Jadual 6.12.1 : Perkhidmatan di Unit Kerja Sosial Perubatan

BIL	PERKHIDMATAN
1	Pengurusan Bantuan Praktik <ol style="list-style-type: none"><li>Bantuan kewangan (peralatan/rawatan/ubatan/am)</li><li>Penempatan institusi</li><li>Mengesan waris</li></ol>
2	Pengurusan Terapi Sokongan <ol style="list-style-type: none"><li>Khidmat perundingan</li><li>Sokongan emosi</li><li>Intervensi krisis</li></ol>
3	Bantuan Praktik dan Terapi Sokongan diberikan kepada kes-kes berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>Penderaan dan pengabaian kanak-kanak</li><li>Ibu tanpa nikah</li><li>Keganasan rumah tangga</li><li>Jenayah seksual</li><li>Pesakit akut dan kronik</li><li>Orang Kelainan Upaya (OKU)</li><li>HIV Positive / AIDS</li><li>Ketagihan dadah / alkohol</li></ol>

## **BEBAN KERJA/STATISTIK**

Jadual di bawah menunjukkan data beban kerja yang dilakukan oleh Unit Kerja Sosial Perubatan.

Jadual 6.12.2 : Jumlah kes yang dirujuk ke Unit Kerja Sosial Perubatan

<b>BIL</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
1	Penderaan kanak-kanak (seksual dan fizikal)	39	36	23
2	Mengesan waris dan penempatan di institusi kebajikan	21	13	25
3	Bantuan alatan perubatan / prosthesis	476	480	661
4	Pengecualian caj rawatan di Instituti Jantung Negara Sdn. Bhd	5	8	7
5	Bantuan kewangan	71	91	71
6	Hamil dan bersalin anak luar nikah	111	123	97
7	Keganasan rumahtangga	12	7	3

Jadual 6.12.3 : Jumlah klien

<b>KATEGORI KES</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>
Bantuan Praktik)	573	592	814
Terapi Sokongan	164	169	216
<b>JUMLAH</b>	<b>737</b>	<b>761</b>	<b>1030</b>

## **AKTIVITI**

Aktiviti yang dilakukan oleh seperti jadual di bawah.

Jadual 6.12.4 : Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2022

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Program Kasih Ramadhan 2022

## 6.13 UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN

Unit Pendidikan Kesihatan ditubuhkan bagi membantu dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan kesihatan dalam kalangan pesakit dan anggota hospital. Unit ini mempunyai seorang Pegawai Penerangan (Pendidikan Kesihatan) S41 yang bertanggungjawab dalam mengendalikan Klinik Berhenti Merokok, Program Penurunan Berat Badan dan Kempen Cara Hidup Sihat di samping mempromosikan pendidikan kesihatan.

### PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh unit ini boleh dilihat secara terperinci di Jadual 6.13.1.

Jadual 6.13.1 : Perkhidmatan yang dijalankan oleh Unit Pendidikan Kesihatan

BIL	PERKHIDMATAN
1	Klinik Berhenti Merokok
2	Pendidikan Pesakit (Cara Hidup Sihat/ Aktiviti Fizikal)
3	Melaksanakan Sambutan Hari Khas Kesihatan.
4	Menyelaras Program/Kempen Cara Hidup Sihat untuk anggota kesihatan
5	Menyelaras Program Penurunan Berat Badan/ <i>I FIT And Eat Right</i> (IFitER)
6	Menyediakan Laporan Tahunan Hospital setiap tahun
7	Menerbit dan mengedar bahan-bahan pendidikan kesihatan

### BEBAN KERJA/STATISTIK

Jadual 6.13.2 menunjukkan jumlah klien yang berdaftar dari tahun 2020 sehingga 2022. Jumlah klien menunjukkan pengurangan pada tahun 2020-2021 berikutan pegawai yang bertugas diarahkan menjalani kursus selama 12 bulan dan berlaku pertukaran pegawai pada tahun 2021.

Jadual 6.13.2 : Jumlah klien yang berdaftar ke klinik/program mengikut tahun.

TAHUN	PERKARA	JUMLAH KLIEN
2020	Klinik Berhenti Merokok	7
	Pendidikan Pesakit	-
	Pengurusan Berat Badan (IFitER)	26
2021	Klinik Berhenti Merokok	10
	Pendidikan Pesakit ( <i>Psychoeducation-Quit Smoking</i> )	16
	Pengurusan Berat Badan (IfitER)	-
2022	Klinik Berhenti Merokok	22
	Pendidikan Pesakit ( <i>Psychoeducation-Quit Smoking</i> )	22
	Pendidikan Pesakit (Aktiviti Fizikal dalam Pengurusan Berat Badan)	114
	Pengurusan Berat Badan (IFitER)	13

Jadual 6.13.3 : Senarai penerbitan semula bahan Pendidikan kesihatan sumber melalui website mysihat dan myhealth KKM.

BIL	PERKARA	TAJUK	JUMLAH
1	Bunting	PICKids	1
		Kanser Kolorektal	2
		Cuci Tangan	2
		Susu Ibu	1
		Info Diabetes	2
2	Risalah	Keluarga Tanpa Asap Rokok	1000
		Berat Badan Ideal	100
		Aktiviti Fizikal	100
		Penyusunan Susu Ibu	500
		<i>Osteoarthritis</i>	100
3	Poster	Pelan Pemakanan Si Kecil	3
		Cegah Hepatitis A Semasa Banjir	3
		Cegah Keracunan Makanan Semasa Banjir	3
		Cegah Taun (Kolera) Semasa Banjir	3
		Tindakan Selepas Banjir	3
		Cara Pencegahan Lipas, Lalat dan Tikus Semasa Musim Banjir	3
		Elak Tekanan Semasa Musim Banjir	3
4	Banner	Hari Kesihatan Tanpa Tembakau	1
		Hari Kesihatan Jantung	1
		Hari Kesihatan Mental	1
		Minggu Pendermaan Organ	1
		Hari Diabetes Sedunia	1

## AKTIVITI

Pada tahun 2022, Unit Pendidikan Kesihatan telah menganjurkan program sempena sambutan Hari-Hari Khas Kesihatan di peringkat hospital. Jadual 6.13.4 menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Unit Pendidikan Kesihatan.

Jadual 6.13.4 : Aktiviti yang Dijalankan Pada Tahun 2022

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>
1	Webinar Nafas Baru Bermula Ramadan
2	Sambutan Hari Austime Sedunia
3	Sambutan Hari Tanpa Tembakau- <i>Tobacco Free Fun Run Virtual Challenge</i>
4	Program Pendidikan dan Sokongan Komunikasi untuk Kanak-Kanak Keperluan Khas
5	Kempen Derma Darah
6	Kursus Kesedaran Diabetes
7	Kursus Minda Sihat
8	Kempen 10 Minit Hapuskan Aedes
9	Berkerjasama dengan Jabatan Farmasi dan Unit Kualiti dalam menganjurkan Perhimpunan Pagi Bulan September peringkat hospital bagi tahun 2022

## **6.14 UNIT KUALITI & INOVASI**

---

Unit Kualiti dan Inovasi Hospital Seri Manjung mula diwujudkan secara rasminya pada 1.8.2003. Kewujudan unit ini adalah atas saranan dan keperluan dari Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pekeliling Bil (35) dlm. KKM bertarikh 30hb Januari 2002, yang menyatakan setiap hospital utama dikehendaki menubuhkan Unit Sokongan Sekretariat Kualiti.

